****

TERJEMAHAN KITAB ‘ITIQAD AHL SUNNAH A’IMMATUL HADITH

Abu bakar ahmad bin Ibrahim bin Ismail Al-Ismaili
371H

2025

Diterjemahkan oleh: Muhammad Aiman Fitri Bin Mohd Noor bin Jusoh bin salleh Al-kalantani as-salafi

****

بسم الله الرحمن الرحيم

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
اَلْـحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

KATA PENTERJEMAH

Segala puji bagi Allah Subḥānahu wa Ta'ālā yang dengan limpah rahmat dan taufik-Nya, telah memudahkan saya untuk menyiapkan terjemahan kitab ini salah satu karya agung peninggalan para ulama salaf yang mulia, yang menjadi pelita bagi umat Islam dalam memahami agama sebagaimana diajarkan oleh Rasulullah ﷺ dan para sahabat baginda.

Saya yang kerdil ini, MUHAMMAD AIMAN FITRI BIN MOHD NOOR BIN JUSOF BIN SALLEH, atau dikenali juga sebagai Aiman al-Kalantani, menulis dan menterjemahkan kitab-kitab para ulama salaf dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dengan tujuan agar masyarakat Islam awam dapat sedar dan kembali kepada al-Qur'an dan as-Sunnah sesuai dengan pemahaman para ulama salaf aṣḥābil-ḥadīth, tanpa dicemari oleh fahaman sesat ahli kalam yang menyeleweng dari jalan kebenaran.

Wallāhi wa billāhi wa tallāhi, tidaklah apa yang saya kerjakan ini melainkan untuk mengajak umat Islam seluruhnya kembali kepada ajaran Islam yang murni, jauh dari bid'ah, khurafat, syirik, dan tahayul yang telah banyak mencemarkan kemurnian agama.

Saya berharap agar kitab yang diterjemahkan ini menjadi panduan berguna bagi para penuntut ilmu, khususnya mereka yang baru mengenal manhaj Salaf, agar mereka dapat mendalami pemahaman ulama salaf yang benar dan memahami cara beragama yang bersih daripada takwilan hawa nafsu dan filsafat kalam.

Sesungguhnya, sebaik-baik rujukan dalam akidah ialah kitab-kitab para ulama salaf, dan sebaik-baik penjelasan ialah penjelasan para ulama pewaris para nabi ﷺ, yang benar-benar mencintai Allah dan mengikuti sunnah Rasulullah ﷺ dengan penuh keikhlasan.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada guru saya yang mulia,
Syaikh Wan Syukri Wan Ismail al-Fathani (حفظه الله تعالى), yang menjadi ikutan dan motivasi saya untuk terus berjuang menterjemah serta menyebarkan karya para ulama salaf seberapa yang termampu.

Tidak lupa juga kepada para guru saya yang lain, antaranya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Dr. MAZA), Dr. Rozaimi Ramle, dan ramai lagi para masyaikh serta ilmuan Salafi yang telah memberi bimbingan, contoh, dan kekuatan untuk saya istiqamah di atas jalan ilmu dan dakwah.

Semoga Allah menjadikan negara kita yang tercinta ini — Malaysia — sebagai negara yang menolong kebenaran, meninggikan sunnah Rasulullah ﷺ, dan menolak segala bentuk bid'ah, kesesatan, serta pengaruh ahli kalam yang menyimpang.

Akhirnya, saya memohon agar setiap baris usaha kecil ini diterima oleh Allah sebagai amal soleh, dan menjadi sebab umat ini kembali mencintai manhaj salaf yang lurus.

وَاللَّهُ الْمُوَفِّقُ إِلَى سَوَاءِ السَّبِيلِ.

Ditulis oleh:
Al-Faqīr ilā Rabbih
Muhammad Aiman Fitri bin Mohd Noor bin Jusof bin Salleh
al-Kalantani as-Salafi al-Athariy

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

قَالَ ابْنُ قُدَامَةَ:
أَنْبَأَ الشَّرِيفُ أَبُو العَبَّاسِ مَسْعُودُ بْنُ عَبْدِ الوَاحِدِ بْنِ مَطَرٍ الهَاشِمِيُّ،
قَالَ: أَنْبَأَ الحَافِظُ أَبُو العَلَاءِ صَاعِدُ بْنُ سَيَّارٍ الهَرَوِيُّ،
قَالَ: أَنْبَأَ أَبُو الحَسَنِ عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ الجُرْجَانِيُّ،
قَالَ: أَنْبَأَ أَبُو القَاسِمِ حَمْزَةُ بْنُ يُوسُفَ السَّهْمِيُّ،
قَالَ: أَنْبَأَ أَبُو بَكْرٍ أَحْمَدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الإِسْمَاعِيلِيُّ بِكِتَابِ اعْتِقَادِ السُّنَّةِ لَهُ؛

*****

قَالَ: اِعْلَمُوا رَحِمَنَا اللهُ وَإِيَّاكُمْ أَنَّ مَذْهَبَ أَهْلِ الحَدِيثِ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالجَمَاعَةِ:

*****

Berkata Ibn Qudāmah:
Telah memberitakan kepada kami Asy-Syarīf Abul-'Abbās Mas'ūd bin 'Abd al-Wāḥid bin Maṭar al-Hāshimī.
Beliau berkata: Telah memberitakan kepada kami al-Ḥāfiẓ Abul-'Alā Ṣā'id bin Sayyār al-Harawī.
Beliau berkata: Telah memberitakan kepada kami Abul-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad al-Jurjānī.
Beliau berkata: Telah memberitakan kepada kami Abul-Qāsim Ḥamzah bin Yūsuf as-Sahmī.
Beliau berkata: Telah memberitakan kepada kami Abū Bakr Aḥmad bin Ibrāhīm al-Ismā'īlī — melalui kitabnya I'tiqād as-Sunnah — beliau berkata:

"Ketahuilah — semoga Allah merahmati kami dan kamu — bahawa mazhab Ahli Hadis, iaitu Ahlus Sunnah wal-Jamā'ah ialah:

١- الإِقْرَارُ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ.

1. Mengakui (beriman) kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya.

٢- وَقَبُولُ مَا نَطَقَ بِهِ كِتَابُ اللهِ تَعَالَى، وَمَا صَحَّتْ بِهِ الرِّوَايَةُ عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ، **وَلَا** مَعْدِلَ عَمَّا وَرَدَا بِهِ، وَلَا سَبِيلَ إِلَى رَبِّهِ، إِذْ كَانُوا مَأْمُورِينَ بِاتِّبَاعِ الكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، مَضْمُونًا لَهُمُ الهُدَى فِيهِمَا، مَشْهُودًا لَهُمْ بِأَنَّ نَبِيَّهُمْ ﷺ يَهْدِي إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ، مُحَذِّرِينَ فِي مُخَالَفَتِهِ الفِتْنَةَ وَالعَذَابَ الأَلِيمَ.

2. Menerima apa yang disebut oleh Kitab Allah Ta'ālā (al-Qur'an), dan apa yang sahih riwayatnya daripada Rasulullah ﷺ;
dan tidak berpaling (menyimpang) daripada apa yang telah datang (dari keduanya), serta tidak ada jalan untuk Kepada Tuhannya — kerana mereka (Ahlus Sunnah) diperintah untuk mengikuti Kitab (al-Qur'an) dan Sunnah, telah dijamin bagi mereka petunjuk di dalam keduanya, dan telah disaksikan bagi mereka bahawa Nabi mereka ﷺ menunjukkan ke jalan yang lurus, serta memberi amaran bahawa menyelisihi (jalan itu) akan membawa kepada fitnah dan azab yang pedih.

٣- وَيَعْتَقِدُونَ: أَنَّ اللهَ تَعَالَى مَدْعُوٌّ بِأَسْمَائِهِ الحُسْنَى، مَوْصُوفٌ بِصِفَاتِهِ الَّتِي سَمَّى وَوَصَفَ بِهَا نَفْسَهُ، وَوَصَفَهُ بِهَا نَبِيُّهُ ﷺ.

3. Dan mereka beriktikad bahawa Allah Ta'ālā diseru (dipanggil) dengan nama-nama-Nya yang indah (al-Asmā' al-Ḥusnā), dan Dia disifatkan dengan sifat-sifat-Nya yang Dia sendiri telah namakan dan sifatkan diri-Nya dengannya, dan Nabi-Nya ﷺ juga telah mensifati-Nya dengan sifat-sifat itu.

٤- خَلَقَ آدَمَ بِيَدِهِ.

4. (Bahawa) Dia telah mencipta Ādam dengan tangan-Nya.

٥- وَيَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنْفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ، بِلَا اعْتِقَادِ كَيْفٍ.

5. Dan kedua tangan-Nya terbuka, Dia memberi rezeki sebagaimana yang Dia kehendaki, tanpa menetapkan bagaimana (kaifiyyah) tangan itu.

٦- وَأَنَّهُ اسْتَوَىٰ عَلَى العَرْشِ بِلَا كَيْفٍ، فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى أَنْهَىٰ إِلَىٰ أَنَّهُ اسْتَوَىٰ عَلَى العَرْشِ، وَلَمْ يَذْكُرْ كَيْفَ كَانَ اسْتِوَاؤُهُ.

6. Dan (bahawa) Dia beristiwa di atas 'Arasy tanpa kaifiyyah, sesungguhnya Allah Ta'ālā hanya memberitakan bahawa Dia beristiwa diatas 'Arasy, dan Dia tidak menyebut bagaimana istiwanya itu.

٧- وَأَنَّهُ مَالِكُ خَلْقِهِ، وَأَنْشَأَهُمْ لَا عَنْ حَاجَةٍ إِلَىٰ مَا خَلَقَ، وَلَا لِمَعْنًى دَعَاهُ إِلَىٰ أَنْ خَلَقَهُمْ،لٰكِنَّهُ فَعَّالٌ لِمَا يَشَاءُ.

7. Dan (bahawa) Dia adalah Pemilik segala makhluk-Nya, Dia menjadikan mereka bukan kerana berhajat kepada apa yang Dia ciptakan, dan bukan kerana ada sebab yang mendorong-Nya untuk menciptakan mereka, tetapi Dia melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki

وَيَحْكُمُ مَا يُرِيدُ،

Dan Dia menetapkan hukum sebagaimana yang Dia kehendaki,

لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ،

Dia tidak ditanya tentang apa yang Dia lakukan,

وَالخَلْقُ مَسْئُولُونَ عَمَّا يَفْعَلُونَ.

sedangkan makhluk akan ditanya tentang apa yang mereka lakukan.

٨ - وَأَنَّهُ مَدْعُوٌّ بِأَسْمَائِهِ الحُسْنَى، وَمَوْصُوفٌ بِصِفَاتِهِ الَّتِي سَمَّى وَوَصَفَ بِهَا نَفْسَهُ، وَسَمَّاهُ وَوَصَفَهُ بِهَا نَبِيُّهُ ﷺ.

8. Dan (mereka beriktikad) bahawa Allah diseru dengan nama-nama-Nya yang indah, dan Dia disifatkan dengan sifat-sifat-Nya yang Dia telah namakan dan sifatkan diri-Nya dengannya, dan Nabi-Nya ﷺ juga telah menamakan dan mensifati-Nya dengan sifat-sifat itu.

٩ - لَا يُعْجِزُهُ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ.

9. Tiada sesuatu pun yang melemahkan-Nya sama ada di bumi atau di langit.

١٠ - وَلَا يُوصَفُ بِمَا فِيهِ نَقْصٌ أَوْ عَيْبٌ أَوْ آفَةٌ، فَإِنَّهُ تَعَالَى عَنْ ذَلِكَ.

10. Dan Dia tidak disifatkan dengan sesuatu yang mengandungi kekurangan, kecacatan, atau cela,
kerana sesungguhnya Dia Maha Suci daripada semua itu.

١١ - وَخَلَقَ اللهُ آدَمَ بِيَدِهِ.

11. Dan Allah telah mencipta Adam dengan tangan-Nya.

١٢ - وَيَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنْفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ، بِلَا اعْتِقَادِ كَيْفَ يَدَاهُ، إِذْ لَمْ يَنْطِقْ كِتَابُ اللهِ تَعَالَى فِيهِ بِكَيْفٍ.

12. Dan kedua tangan-Nya terbuka, Dia memberi rezeki sebagaimana yang Dia kehendaki, tanpa menetapkan bagaimana (kaifiyyah) kedua tangan-Nya, kerana Kitab Allah tidak pernah menyebut bagaimana keadaannya.

١٣ - وَلَا يُعْتَقَدُ فِيهِ الأَعْضَاءُ وَالجَوَارِحُ، وَلَا الطُّولُ وَالعَرْضُ وَالغِلَظُ وَالدِّقَّةُ، وَنَحْوُ هَذَا مِمَّا يَكُونُ مِثْلُهُ فِي الخَلْقِ ، و أَنَّه ليسَ كمثلِهِ شيٌ - تَبَارَكَ وَجهُ ذي الجَلَالِ وَالإكرام-.

13. Dan tidak boleh diyakini bahawa Allah memiliki anggota badan atau bahagian tubuh, dan tidak juga panjang, lebar, tebal atau halus dan perkara-perkara seumpama itu yang hanya layak bagi makhluk. Dan sesungguh-Nya dia tidak menyerupai sesuatu apapun- mahasuci dan Mahaagung Wajah (zat) Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan.

١٤ - وَلَا يَقُولُونَ: إِنَّ أَسْمَاءَ اللَّهِ غَيرُ اللَّهِ كَمَا يَقُولُهُ الْمُعْتَزِلَةُ وَالخَوَارِجُ، وَطَوَائِفُ مِنْ أَهْلِ الْأَهْوَاءِ.

14. Dan mereka (yakni Ahlus Sunnah wal Jama'ah) tidak berkata bahawa nama-nama Allah itu berbeza daripada Zat Allah, sebagaimana yang dikatakan oleh golongan Mu'tazilah, Khawarij, dan kumpulan-kumpulan lain daripada ahli hawa nafsu.

١٥ - وَيُثْبِتُونَ أَنَّ لَهُ وَجْهًا، وَسَمْعًا، وَبَصَرًا، وَعِلْمًا، وَقُدْرَةً، وَقُوَّةً، وَعِزَّةً، وَكَلَامًا، لَا عَلَى مَا يَقُولُهُ أَهْلُ الزَّيْغِ مِنَ المُعْتَزِلَةِ وَغَيْرِهِمْ، وَلَكِنْ كَمَا قَالَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى:

15- Mereka menetapkan bahawa bagi Allah itu ada wajah, pendengaran, penglihatan, ilmu, kekuasaan, kekuatan, keperkasaan dan kalam, bukan seperti yang dikatakan oleh ahli penyimpangan dari kalangan Mu'tazilah dan yang lainnya, tetapi sebagaimana firman Allah Ta'ala:

(وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ) [الرَّحْمَنِ: ٢٧]

"Dan akan tetap kekal Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan." (Ar-Rahman: 27)

وَقَالَ: (أَنْزَلَهُ بِعِلْمِهِ) [النِّسَاءِ: ١٦٦]

"Dia menurunkannya dengan ilmu-Nya." (An-Nisa': 166)

وَقَالَ: (وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ) [البَقَرَةِ: ٢٥٥]

"Dan mereka tidak meliputi sesuatu pun dari ilmu-Nya melainkan dengan apa yang Dia kehendaki." (Al-Baqarah: 255)

وَقَالَ: (فَلِلَّهِ العِزَّةُ جَمِيعًا) [فَاطِرٍ: ١٠]

"Maka bagi Allah segala keperkasaan seluruhnya." (Fathir: 10)

وَقَالَ: (وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْدٍ) [الذَّارِيَاتِ: ٤٧]

"Dan langit itu Kami bangun dengan kekuatan." (Az-Zariyat: 47)

وَقَالَ: (أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً) [فُصِّلَتْ: ١٥].

"Tidakkah mereka melihat bahawa Allah yang menciptakan mereka itu lebih kuat daripada mereka?" (Fussilat: 15)

وَقَالَ: (إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ) [الذَّارِيَاتِ: ٥٨].

"Sesungguhnya Allah, Dialah Maha Pemberi rezeki, Yang mempunyai kekuatan yang kukuh." (Az-Zariyat: 58)

١٦ - فَهُوَ تَعَالَى ذُو العِلْمِ، وَالقُوَّةِ، وَالقُدْرَةِ، وَالسَّمْعِ، وَالْبَصَرِ، وَالْكَلَامِ، كَمَا قَالَ تَعَالَى:

Maka Allah itu memiliki ilmu, kekuatan, kekuasaan, pendengaran, penglihatan, dan perkataan, sebagaimana firman-Nya:

(وَلِتُصْنَعَ عَلَى عَيْنِي) [طَه: ٣٩]،
"Dan supaya engkau dibentuk di bawah pengawasan-Ku." (Taha: 39)

وَقَالَ: (وَاصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا) [هُود: ٣٧].
"Dan buatlah kapal itu di bawah pengawasan mata Kami dan wahyu Kami." (Hud: 37)

وَقَالَ: (حَتَّى يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ) [التَّوْبَة: ٦].
"Sehingga dia mendengar kalam Allah." (At-Taubah: 6)

وَقَالَ: (وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا) [النِّسَاء: ١٦٤].
"Dan Allah telah berbicara kepada Musa dengan sebenar-benar bicara." (An-Nisa': 164)

وَقَالَ: (إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ) [النَّحْل: ٤٠].
"Sesungguhnya perkataan Kami terhadap sesuatu apabila Kami kehendaki hanyalah Kami katakan kepadanya: Jadilah! Maka jadilah ia." (An-Nahl: 40)

١٧ - وَيَقُولُونَ مَا يَقُولُهُ الْمُسْلِمُونَ كَافَّتَهُمْ:
مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَا يَكُونُ، كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
(وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ) [التَّكْوِير: ٢٩].
Dan mereka berkata sebagaimana yang diucapkan oleh seluruh kaum Muslimin:
"Apa yang Allah kehendaki pasti terjadi, dan apa yang tidak Dia kehendaki tidak akan terjadi."
Sebagaimana firman Allah:
"Dan kamu tidak dapat berkehendak kecuali jika Allah menghendakinya." (At-Takwir: 29)

١٨ - وَيَقُولُونَ: لَا سَبِيلَ لِأَحَدٍ أَنْ يَخْرُجَ عَنْ عِلْمِ اللَّهِ، وَلَا أَنْ يَغْلِبَ فِعْلُهُ وَإِرَادَتُهُ مَشِيئَةَ اللَّهِ، وَلَا أَنْ يُبَدِّلَ عِلْمَ اللَّهِ، فَإِنَّهُ الْعَالِمُ الَّذِي لَا يَجْهَلُ وَلَا يَسْهُو، وَالْقَادِرُ الَّذِي لَا يُغْلَبُ.
Dan mereka berkata: Tidak ada seorang pun yang boleh keluar dari ilmu Allah, dan tidak ada perbuatan atau kehendak seseorang pun yang dapat

mengalahkan kehendak Allah, dan tidak pula dapat mengubah ilmu Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui yang tidak pernah jahil dan tidak pernah lupa, Maha Berkuasa yang tidak pernah dikalahkan.

١٩ - وَيَقُولُونَ: الْقُرْآنُ كَلَامُ اللَّهِ غَيْرُ مَخْلُوقٍ، وَإِنَّهُ كَيْفَمَا تَصَرَّفَ بِقِرَاءَةِ الْقَارِئِ لَهُ وَبِلَفْظِهِ، وَمَحْفُوظًا فِي الصُّدُورِ، مَتْلُوًّا بِالْأَلْسُنِ، مَكْتُوبًا فِي الْمَصَاحِفِ، غَيْرُ مَخْلُوقٍ.
وَمَنْ قَالَ بِخَلْقِ اللَّفْظِ بِالْقُرْآنِ يُرِيدُ بِهِ الْقُرْآنَ؛ فَقَدْ قَالَ بِخَلْقِ الْقُرْآنِ.

Dan mereka berkata: Al-Quran adalah kalam (perkataan) Allah yang bukan makhluk.
Ia tetap sebagaimana adanya — dibaca oleh para qari dengan lafaz mereka, dihafaz dalam dada, dibaca dengan lidah, dan ditulis dalam mushaf — semuanya kalam Allah, bukan makhluk.
Barangsiapa mengatakan bahawa "lafaz Al-Quran" itu makhluk, dan maksudnya ialah Al-Quran itu sendiri — maka dia telah berkata bahawa Al-Quran makhluk (yakni telah kafir seperti kata Jahmiyyah).

٢٠ - وَيَقُولُونَ: إِنَّهُ لَا خَالِقَ عَلَى الْحَقِيقَةِ إِلَّا اللَّهُ، وَإِنَّ أَكْسَابَ الْعِبَادِ كُلَّهَا مَخْلُوقَةٌ لِلَّهِ، وَإِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَيُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ، لَا حُجَّةَ لِمَنْ أَضَلَّهُ اللَّهُ وَلَا عُذْرَ، كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

Dan mereka berkata: Sesungguhnya tidak ada Pencipta yang sebenar kecuali Allah.
Segala usaha dan perbuatan hamba semuanya adalah ciptaan Allah.
Dan Allah memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki dan menyesatkan siapa yang Dia kehendaki, tanpa ada hujah bagi orang yang disesatkan Allah dan tiada alasan bagi mereka.
Sebagaimana firman-Nya:

(قُلْ فَلِلَّهِ الْحُجَّةُ الْبَالِغَةُ فَلَوْ شَاءَ لَهَدَاكُمْ أَجْمَعِينَ) [الْأَنْعَامِ: ١٤٩].

"Katakanlah: Maka bagi Allah hujah yang paling sempurna. Jika Dia kehendaki, nescaya Dia beri petunjuk kepada kamu semuanya."
(Al-An'am: 149)

وَقَالَ: كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ [الأعراف: ٢٩-٣٠].

Dan Dia berfirman: “Sebagaimana Dia telah memulai (menciptakan) kamu, demikian pula kamu akan dikembalikan; satu golongan diberi petunjuk, dan satu golongan lagi telah pasti kesesatan atas mereka.”

وَقَالَ: وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ([الأعراف: ١٧٩].

Dan Dia berfirman: “Dan sesungguhnya Kami telah jadikan (ciptakan) untuk neraka Jahanam banyak daripada jin dan manusia.”

وَقَالَ: مَا أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَن نَّبْرَأَهَا ([الحديد: ٢٢].

Dan Dia berfirman: “Tidak ada suatu musibah pun yang menimpa di bumi dan (tidak pula) pada diri kamu melainkan telah tertulis dalam kitab (Lauh Mahfuzh) sebelum Kami menciptakannya.”

وَمَعْنَى قَوْلِهِ: نَبْرَأَهَا أَيْ نَخْلُقَهَا، بِلَا خِلَافٍ فِي اللُّغَةِ.

Dan makna نَبْرَأَهَا ialah: Kami menciptakannya, tanpa ada perbezaan pendapat dalam bahasa.

وَقَالَ مُخْبِرًا عَنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ ([الأعراف: ٤٣].

Dan Dia berfirman menceritakan tentang penghuni syurga: “Segala puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada kami kepada (nikmat) ini, dan kami tidak akan mendapat petunjuk sekiranya Allah tidak memberi petunjuk kepada kami.”

وَقَالَ: لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَهَدَى النَّاسَ جَمِيعًا ([الرعد: ٣١].

Dan Dia berfirman: “Sekiranya Allah menghendaki, nescaya Dia memberi petunjuk kepada seluruh manusia.”

وَقَالَ: وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ([هود: ١١٨-١١٩].

Dan Dia berfirman: “Dan sekiranya Tuhanmu menghendaki, nescaya Dia jadikan manusia umat yang satu; tetapi mereka senantiasa berselisih, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu.”

٢١ - وَيَقُولُونَ: إِنَّ الخَيْرَ وَالشَّرَّ، وَالحُلْوَ وَالْمُرَّ، بِقَضَاءِ مِنَ اللهِ، أَمْضَاهُ وَقَدَّرَهُ، لَا يَمْلِكُونَ لِأَنْفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا، إِلَّا مَا شَاءَ اللهُ، وَإِنَّهُمْ فُقَرَاءُ إِلَى اللهِ، وَلَا غِنَى لَهُمْ عَنْهُ فِي كُلِّ وَقْتٍ.

22-Dan mereka (salaf) berkata: Sesungguhnya kebaikan dan kejahatan, manis dan pahit, semuanya adalah dengan qadha' (ketetapan) dan qadar (ketentuan) Allah. Semua itu daripada Allah — Dialah yang menentukannya dan mentakdirkannya. Mereka tidak memiliki kuasa untuk memberi mudarat atau manfaat kepada diri mereka sendiri, melainkan dengan kehendak Allah. Sesungguhnya mereka semua adalah fakir (bergantung sepenuhnya) kepada Allah, dan tiada satu saat pun mereka boleh bebas daripada keperluan kepada-Nya.

٢٢ - وَإِنَّهُ يَنْزِلُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا، عَلَى مَا صَحَّ بِهِ الْخَبَرُ عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ، بِلَا اعْتِقَادِ كَيْفَ فِيهِ.

23-Dan mereka (Ahlus Sunnah) beriman bahawa Allah turun ke langit dunia sebagaimana telah sahih khabar daripada Rasulullah ﷺ, tanpa mempercayai atau menetapkan bagaimana (kaifiyyah) turunnya.

٢٣ - وَيَعْتَقِدُونَ جَوَازَ الرُّؤْيَةِ لِلْعِبَادِ الْمُتَّقِينَ فِي الْقِيَامَةِ دُونَ الدُّنْيَا، وَوُجُوبَهَا لِمَنْ جَعَلَ اللهُ ذَلِكَ ثَوَابًا لَهُ فِي الْآخِرَةِ، كَمَا قَالَ:

24- Dan mereka meyakini bahawa melihat Allah itu boleh bagi para hamba yang bertakwa pada hari kiamat — bukan di dunia — dan ia wajib bagi mereka yang Allah jadikan penglihatan itu sebagai balasan di akhirat, sebagaimana firman Allah:

(وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةٌ إِلَى رَبِّهَا نَاظِرَةٌ) [القيامة: ٢٢-٢٣]،

"Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri, melihat kepada Tuhannya."
(QS. Al-Qiyāmah: 22–23)

وَقَالَ فِي الْكُفَّارِ: (كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَمَحْجُوبُونَ) [المطففين: ١٥].

Dan Allah juga berfirman tentang orang-orang kafir:
"Sekali-kali tidak! Sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang daripada (melihat) Tuhan mereka."
(QS. Al-Muṭaffifīn: 15)

فَلَوْ كَانَ الْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ وَالْكَافِرُونَ كُلُّهُمْ لَا يَرَوْنَهُ، كَانُوا بِأَجْمَعِهِمْ عَنْهُ مَحْجُوبِينَ، وَذَلِكَ مِنْ غَيْرِ اعْتِقَادِ التَّجْسِيمِ فِي اللهِ، وَلَا التَّحْدِيدِ لَهُ، وَلَكِنْ يَرَوْنَهُ – جَلَّ وَعَزَّ – بِأَعْيُنِهِمْ عَلَى مَا يَشَاءُ هُوَ بِلَا كَيْفٍ.

Sekiranya semua orang beriman dan orang kafir tidak dapat melihat-Nya, nescaya mereka semuanya akan menjadi orang-orang yang terhalang daripada (melihat) Allah.
Dan itu (yakni keyakinan bahawa Allah dapat dilihat oleh orang beriman pada hari akhirat) bukanlah dengan mempercayai bahawa Allah berjisim atau mempunyai batasan tertentu.
Akan tetapi, mereka melihat-Nya – Maha Suci dan Maha Mulia Dia – dengan mata mereka sendiri sebagaimana yang Dia kehendaki, tanpa mengetahui bagaimana caranya (bilā kayf).

٢٥ - وَيَقُولُونَ: إِنَّ الْإِيمَانَ قَوْلٌ وَعَمَلٌ وَمَعْرِفَةٌ، يَزِيدُ بِالطَّاعَةِ، وَيَنْقُصُ بِالْمَعْصِيَةِ، وَمَنْ كَثُرَتْ طَاعَتُهُ أَزْيَدُ إِيمَانًا مِمَّنْ هُوَ دُونَهُ فِي الطَّاعَةِ.

Dan mereka (Ahlus Sunnah) berkata: sesungguhnya iman itu adalah ucapan, perbuatan dan pengetahuan; ia bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan maksiat.
Sesiapa yang banyak ketaatannya, maka imannya lebih tinggi daripada orang yang kurang ketaatannya.

٢٦ - وَيَقُولُونَ: إِنَّ أَحَدًا مِنْ أَهْلِ التَّوْحِيدِ وَمَنْ يُصَلِّي إِلَى قِبْلَةِ الْمُسْلِمِينَ، لَوِ ارْتَكَبَ ذَنْبًا أَوْ ذُنُوبًا كَثِيرَةً، صَغَائِرَ أَوْ كَبَائِرَ، مَعَ الْإِقَامَةِ عَلَى تَوْحِيدِ اللهِ، وَالْإِقْرَارِ بِمَا التَزَمَهُ وَقَبِلَهُ عَنِ اللهِ، فَإِنَّهُ لَا يُكَفِّرُ بِهِ، وَيَرْجُونَ لَهُ الْمَغْفِرَةَ،

26- Dan mereka berkata: sesungguhnya sesiapa di kalangan ahli tauhid, dan sesiapa yang solat menghadap kiblat kaum Muslimin, sekalipun dia melakukan dosa – sama ada dosa kecil atau dosa besar – selama dia tetap berpegang dengan tauhid kepada Allah dan mengakui segala yang datang daripada-Nya, maka dia tidak dikafirkan dengan sebab dosa itu. Mereka mengharapkan keampunan baginya.

sebagaimana firman Allah:

(إِنَّ اللهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ) [النساء: ٤٨].

Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan dosa syirik kepada-Nya, tetapi Dia mengampunkan dosa selain itu bagi siapa yang Dia kehendaki."
(QS. An-Nisā': 48)

٢٨ - وَاخْتَلَفُوا فِي مُتَعَمِّدِي تَرْكِ الصَّلَاةِ الْمَفْرُوضَةِ حَتَّى يَذْهَبَ وَقْتُهَا مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ، فَكَفَّرَهُ جَمَاعَةٌ، لِمَا رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:

28- Dan mereka berbeza pendapat mengenai orang yang sengaja meninggalkan solat fardhu.
Sehingga luput waktunya tanpa uzur, maka segolongan ulama mengkafirkannya, berdasarkan hadis Nabi ﷺ yang bersabda:

«بَيْنَ العَبْدِ وَبَيْنَ الكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ».

"Antara seorang hamba dengan kekufuran ialah meninggalkan solat."

وَقَوْلُهُ ﷺ: «مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ فَقَدْ كَفَرَ».

"Antara seorang hamba dengan kekufuran ialah meninggalkan solat."

وَقَوْلُهُ ﷺ: «مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ فَقَدْ بَرِئَتْ مِنْهُ ذِمَّةُ اللهِ».

"Sesiapa yang meninggalkan solat, maka terlepaslah jaminan perlindungan Allah daripadanya."

وَتَأَوَّلَ جَمَاعَةٌ مِنْهُمْ أَنَّهُ يُرِيدُ بِذَلِكَ مَنْ تَرَكَهَا جَاحِدًا لَهَا، كَمَا قَالَ يُوسُفُ عَلَيْهِ السَّلَامُ:

Namun segolongan lain mentakwilkannya bahawa maksud hadis-hadis tersebut ialah bagi orang yang meninggalkan solat dalam keadaan mengingkari kewajipannya, bukan sekadar meninggalkannya kerana malas.
Sebagaimana firman Nabi Allah Yusuf عليه السلام:

(إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ) [يوسف: ٣٧]، تَرْكُ جُحُودٍ.

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah."
(QS. Yūsuf: 37)

Maksudnya: meninggalkan dengan penolakan dan pengingkaran (ترك جحود).

٢٨ - وَقَالَ كَثِيرٌ مِنْهُمْ: إِنَّ الإِيمَانَ قَوْلٌ وَعَمَلٌ،وَالإِسْلَامَ: فِعْلُ مَا فُرِضَ عَلَى الإِنسَانِ أَنْ يَفْعَلَهُ إِذَا ذُكِرَ كُلُّ اِسْمٍ عَلَىٰ حِدَتِهِ مَضْمُومًا إِلَىٰ الْآخَرِ، فَقِيلَ: الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُسْلِمُونَ جَمِيعًا، أَوْ مُفْرَدَيْنِ أُرِيدَ بِأَحَدِهِمَا مَعْنًى لَمْ يُرَدْ بِالْآخَرِ، وَإِنْ ذُكِرَ أَحَدُ الاسْمَيْنِ شَمِلَ الْكُلَّ وَعَمَّهُمْ.

28-Dan ramai di antara mereka berkata: sesungguhnya iman itu ialah ucapan dan perbuatan, manakala Islam ialah melaksanakan apa yang difardhukan ke atas manusia untuk dilaksanakannya apabila disebut secara umum (Setiap) nama itu apabila disebut secara tersendiri digabungkan dengan yang lain, maka dikatakan: orang-orang mukmin dan orang-orang Islam — sama ada disebut bersama atau berasingan — kadang dimaksudkan dengan salah satu daripadanya makna yang tidak dimaksudkan dengan yang lain. Dan apabila salah satu nama itu disebut, maka ia mencakupi kedua-duanya dan umum bagi semua.

٢٩ - وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ قَالُوا: الإِسْلَامُ وَالإِيمَانُ وَاحِدٌ.

Dan banyak di antara mereka berkata:
Sesungguhnya Islam dan iman itu satu perkara yang sama.

فَقَالَ اللهُ تَعَالَى: (وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ) [آل عمران: ٨٥].

Allah Ta'ala berfirman:
"Dan barang siapa mencari agama selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya."
(QS. Āli ʿImrān: 85)

فَلَوْ أَنَّ الإِيمَانَ غَيْرُهُ لَمْ يُقْبَلْ،

Maka jika iman itu berbeza daripadanya (yakni dari Islam), tentu ia tidak akan diterima.

وَقَالَ: (فَأَخْرَجْنَا مَنْ كَانَ فِيهَا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ، فَمَا وَجَدْنَا فِيهَا غَيْرَ بَيْتٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ) [الذاريات: ٣٥-٣٦].

Dan firman Allah lagi:

"Maka Kami keluarkan orang-orang yang ada di dalamnya (negeri itu) dari kalangan orang-orang mukmin; maka Kami tidak mendapati di dalamnya kecuali sebuah rumah daripada orang-orang Islam."
(QS. Az-Zāriyāt: 35–36)

٣٠ - وَمِنْهُمْ مَنْ ذَهَبَ إِلَىٰ أَنَّ الإِسْلَامَ مُخْتَصٌّ بِالِاسْتِسْلَامِ لِلَّهِ وَالْخُضُوعِ لَهُ، وَالِانْقِيَادِ لِحُكْمِهِ فِيمَا هُوَ مُؤْمِنٌ بِهِ،

30-Dan sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa Islam itu khusus dengan penyerahan diri kepada Allah, tunduk kepada-Nya, dan patuh kepada hukum-Nya dalam perkara yang diimaninya.

كَمَا قَالَ تَعَالَى: (قَالَتِ الأَعْرَابُ آمَنَّا، قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ) [الحجرات: ١٤].

Sebagaimana firman Allah Ta'ala:
"Orang-orang Arab Badwi berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (wahai Muhammad): Kamu belum beriman, tetapi katakanlah: Kami telah tunduk (Islam); sedangkan iman itu belum lagi masuk ke dalam hati kamu."
(QS. Al-Ḥujurāt: 14)

وَقَالَ: (يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُل لَّا تَمُنُّوا عَلَيَّ إِسْلَامَكُمْ بَلِ اللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَاكُمْ لِلإِيمَانِ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ) [الحجرات: ١٧].

Dan Allah berfirman:
"Mereka merasa telah memberi nikmat kepadamu dengan keislaman mereka. Katakanlah: Janganlah kamu merasa memberi nikmat kepadaku dengan Islammu, bahkan Allahlah yang memberi nikmat kepadamu kerana Dia telah menunjuki kamu kepada iman, jika kamu orang-orang yang benar." (Surah al-Ḥujurāt, ayat 17)

وَهَذَا أَيْضًا دَلِيلٌ لِمَن قَالَ: هُمَا وَاحِدٌ.

Dan ini juga merupakan dalil bagi orang yang berpendapat bahawa Islam dan iman itu satu.

٣١ - وَيَقُولُونَ: إِنَّ اللَّهَ يُخْرِجُ مِنَ النَّارِ قَوْمًا مِن أَهْلِ التَّوحِيدِ بِشَفَاعَةِ الشَّافِعِينَ بِرَحمَتِهِ.

31. Mereka (ulama Salaf) berkata: Sesungguhnya Allah akan mengeluarkan dari neraka satu kaum daripada ahli tauhid dengan syafaat para pemberi syafaat, dengan rahmat-Nya.

٣٢ - وَإِنَّ الشَّفَاعَةَ حَقٌّ.

32. Dan sesungguhnya syafaat itu benar.

٣٣ - وَإِنَّ الحَوضَ حَقٌّ.

33. Dan sesungguhnya haudh (telaga Nabi ﷺ) itu benar.

٣٤ - وَالمِيزَانَ حَقٌّ.

34. Dan mizan (timbangan amal) itu benar.

٣٥ - وَالحِسَابَ حَقٌّ.

35. Dan hisab (perhitungan amal) itu benar.

٣٦ - وَلَا يَقطَعُونَ عَلَى أَحَدٍ مِنْ أَهْلِ المِلَّةِ أَنَّهُ مِنْ أَهْلِ الجَنَّةِ، أَو أَنَّهُ مِن أَهلِ النَّارِ؛ لِأَنَّ عِلمَ ذَلِكَ يَغِيبُ عَنهُم، لَا يَدرُونَ عَلَى مَاذَا يَمُوتُ: أَعَلَى الإِسْلَامِ أَم عَلَى الكُفْرِ؟

36. Dan mereka tidak memastikan terhadap seorang pun dari kalangan ahli Islam bahawa dia pasti ahli syurga, atau pasti ahli neraka; kerana pengetahuan tentang itu ghaib daripada mereka — mereka tidak tahu bagaimana dia mati, adakah atas Islam atau atas kufur.

وَلَكِن يَقُولُونَ: إِنَّ مَن مَاتَ عَلَى الإِسْلَامِ مُجتَنِبًا لِلكَبَائِرِ وَالأَهْوَاءِ وَالآثَامِ، فَهُوَ مِن أَهْلِ الجَنَّةِ؛ لِقَوْلِهِ تَعَالَى:

Namun mereka berkata: "Barangsiapa mati atas Islam dan menjauhi dosa besar Dan (barang siapa menjauhi) hawa nafsu dan dosa-dosa, maka dia termasuk daripada ahli syurga; kerana firman Allah Ta'ala:

(إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ، جَزَاؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ) [البينة: 7-8].

